

## Merangkumi

Aktiviti pelancongan pengembalaan dan aktiviti lasak.

\*Senarai aktiviti sukan di bawah KBS

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti Yang Dilarang.
- Operasi di kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Peraturan 18 PUA 97/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada peraturan PBT yang berkuatkuasa.
- Tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh KKM
- Lain-lain Arahan.

| Waktu Beroperasi | Waktu Operasi Biasa | Waktu Kehadiran Pelanggan | Waktu Operasi Biasa | Kapasiti Pekerja | 100% (keperluan sebenar) |
|------------------|---------------------|---------------------------|---------------------|------------------|--------------------------|
|------------------|---------------------|---------------------------|---------------------|------------------|--------------------------|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan  | Penerangan Ringkas  |
|---|---|
| Saringan kesihatan  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan alat saringan suhu badan atau <i>thermal scanner</i>.</li> <li>Melaksanakan saringan bagi mengesan gejala berkaitan COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak atau sesak nafas setiap hari.</li> <li>Saringan perlu dilakukan ke atas pekerja dan pelanggan setiap kali sebelum dibenarkan hadir taklimat aktiviti.</li> <li>Individu yang mempunyai suhu melebihi 37.5 °C atau bergejala tidak dibenarkan membuat aktiviti dan perlu mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan.</li> <li>Mewajibkan pemakaian pelitup muka di tempat awam.</li> <li>Mewajibkan pekerja / peserta / pelatih mengimbas kod QR MySejahtera atau merekodkan kehadiran secara manual sekiranya tiada liputan internet, sebelum melakukan aktiviti.</li> </ul> |
| Laporan kesihatan (di premis dan penginapan pekerja yang disediakan syarikat) | <ul style="list-style-type: none"> <li>Laporkan kepada Pejabat Kesihatan yang berdekatan jika berlaku jumlah ketidakhadiran yang ramai (melebihi 50% jumlah pekerja).</li> <li>Pekerja yang mempunyai suhu melebihi 37.5 °C atau bergejala tidak dibenarkan membuat aktiviti dan perlu mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan dan tidak dibenarkan hadir bekerja.</li> </ul>   |
| Had bilangan  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Menghadkan bilangan pengguna berdasarkan kapasiti tempat dengan penjarakan fizikal bagi setiap sesi tertakluk kepada kesesuaian tempat bagi mematuhi penjarakan fizikal, penggunaan bot dan kemampuan kawal selia. Aktiviti berpasangan di dalam aktiviti seperti <i>canoeing</i>, <i>sky diving</i> dan <i>paragliding</i> adalah tidak digalakkan.</li> <li>Kawalan pematuhan dan pemantauan oleh staf bertugas.</li> </ul>  |